

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld. 7 (18)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS
(PENGGAL 2018-2020)
BILANGAN 9 TAHUN 2020**

Tarikh : 30 Oktober 2020 (Jumaat).
Masa : 10.00 Pagi – 11.00 Pagi.
Tempat : Dewan Bunga Tanjung,
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.

Hadir : Seperti dilampiran kehadiran.

1. DOA

Doa telah dibacakan oleh Encik Abdul Hakim bin Khairuddin, Penolong Pengarah (Penerbitan), Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. TAYANGAN VIDEO

Tayangan video korporat daripada Unit Komunikasi Korporat mengambil masa selama 8 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan Oktober 2020.

3. PERUTUSAN PENGERUSI

YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan syukur Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Illahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga, sahabat dan mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari pengakhiran.

Terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Pengarah-pengarah, pegawai-pegawai serta warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang sentiasa memberikan kerjasama dan komitmen bagi memastikan penyampaian perkhidmatan berjalan lancar dan dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

Perkhidmatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) akan terus dilaksanakan dengan amalan norma baharu dan pematuhan terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara.

Sehingga 29 Oktober 2020, jumlah kes positif Covid-19 di Daerah Petaling adalah sebanyak 820 kes dan daripada jumlah tersebut kawasan pentadbiran MBPJ adalah penyumbang terbanyak iaitu sebanyak 455 kes positif. Kawasan PJU merupakan kawasan terbanyak kes positif Covid-19. Sehubungan itu, beliau berharap agar semua penduduk sentiasa mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh kerajaan bagi membendung penularan wabak ini. Tidak lupa ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat bagi memantau penularan kes wabak Covid-19 di kawasan majlis.

YBhg. Datuk Pengerusi turut mengucapkan tahniah kepada Ahli Majlis yang baru mengangkat sumpah penerimaan jawatan sebentar tadi. Harapan agar dapat bekerjasama bagi memberikan perkhidmatan terbaik kepada warga Petaling Jaya.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada 4 pasukan KIK MBPJ di mana satu kumpulan menjadi Johan dan 3 kumpulan Naib Johan. Beliau berharap agar inovasi ini dapat diteruskan bagi memastikan MBPJ menjadi salah satu PBT terbaik berbanding PBT lain.

3.1 **BAJET 2021 : PETALING JAYA MAMPAN DAN INKLUSIF**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya beriltizam untuk menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah Bandaraya Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan (PJ SSR) menjelang tahun 2030. Inisiatif ke arah bandar raya mampan telah dimulakan sejak tahun 2000 melalui pelaksanaan Local Agenda 21. Pada tahun 2012, Majlis telah menyediakan 'Blue Print' Pembangunan Mampan dikenali sebagai 'PJ Sustainable 2030' dalam memastikan Petaling Jaya bukan sekadar bandar raya mampan malah bandar raya yang berdaya tahan.

Pada tahun 2017, Majlis telah menerima Kerangka Perancangan Strategik Bandaraya Petaling Jaya dijenamakan semula sebagai 'PJ Smart, Sustainable, Resilient 2030'. Menjelang 2030, data bandar ('urban data') di dalam bentuk 'dashboard' bagi fungsi-fungsi utama Majlis yang mengandungi maklumat keadaan semasa dan sasaran 2030 serta strategi pelaksanaan secara tahunan telah disediakan. Pelan PJ Sustainable 2030 ini telah menggabungkan semua inisiatif ke arah menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya pintar, mampan dan berdaya tahan mengambilkira aspirasi penduduk Petaling Jaya, 'key areas' PJ Sustainable 2030 dan usaha lokalisasi Sustainable Development Goals' (SDGs) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Sasaran dan KPI yang ditetapkan oleh Majlis, Kerajaan Negeri, Kerajaan

Persekutuan dan 'New Urban Agenda' diukur pencapaiannya melalui kaedah 'Smart City'.

Elemen-elemen yang termasuk di bawah 'Smart' adalah pembangunan aplikasi menggunakan IOT, sistem berasaskan perisian GIS, pelan spatial PJ City One Map bagi 42 dashboard berteraskan usaha menjadikan Petaling Jaya bandar raya bersih (clean), selamat (safe), hijau (green), berhubung (connected) dan gembira (happy) meliputi sektor 'City Planning & Development', 'City Community Development', 'City Business', 'City Management & Enforcement' dan 'City Town Services'.

Dashboard ini akan memberikan maklumat, penganalisaan dan pencapaian KPI pembangunan mampan dan resilient city Petaling Jaya. Inisiatif pembangunan mampan dianalisa dan diukur pencapaian melalui 'Dashboard Circular Economy', 'PKITA Community', PKKPJ, 'Safe City', 'Learning City', 'Child Friendly City', 'Women Empowering Programme', SPAH dan 'Universal Design'. 'Inisiatif Resilient City' pula diukur pencapaian melalui 'Dashboard Landuse Planning', 'Smart Material Change', OSHE, 'Smart Development Control', 'Low Carbon', I-Map Aduan, 'Environment Quality Control', 'Road Management', 'Disaster Prevention & Control', 'Drainage Management', 'Tree Management System', 'Building Enforcement'.

Meskipun berdepan dengan situasi pandemik dan kelembapan ekonomi dan cabaran mengutip hasil cukai dan bukan cukai, bajet Majlis akan dibuat secara berhemah dan tumpuan terhadap perkhidmatan 'back to basic'. Walaubagaimanapun, Majlis akan terus komited untuk melaksanakan Pelan Tindakan 'PJ Smart', Sustainable, Resilient 2030 secara lebih fokus melalui kaedah 'micro planning'. Pembangunan mampan adalah teras utama yang sangat sinonim dan relevan bagi bandar raya Petaling Jaya.

Majlis juga melihat kepentingan mewujudkan engagement, hubungan rapat, memperkasakan dan memperluaskan rangkaian kolaborasi dengan segenap golongan komuniti. Kedua-dua aspek penting ini membentuk tema bajet tahun 2021 iaitu 'Petaling Jaya Mampan dan Inklusif'.

Berdasarkan tema ini, kelangsungan pembangunan Petaling Jaya akan dilaksanakan berteraskan prinsip-prinsip berdayatahan dan berdayahuni, 'value for money', kemudahsampaian serta perkhidmatan mampu bayar, efisien dan pintar dengan memberi fokus kepada pembangunan seperti berikut:

- a) Program Pembangunan Mampan.
- b) Kemampanan Infrastruktur dan Kemudahan Awam.
- c) Kemampanan Taman, Landskap dan Alam Sekitar.

- d) Kemampuan Pengurusan Sisa Pepejal, Pembersihan Awam dan Kesihatan Persekitaran.

3.2 MBPJ LANCAR SISTEM PENGURUSAN eCOB

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah melancarkan Sistem Pengurusan eCOB yang bertujuan untuk menyediakan sebuah sistem pangkalan data skim strata bersepadu, sistematik dan mudah diuruskan ke arah mengarus perdanakan agenda digital dalam urusan pentadbiran dan sistem penyampaian perkhidmatan yang menyokong agenda digital negara.

Sistem ini merupakan sebuah sistem yang berasaskan laman portal dan dilengkapi dengan aplikasi dalam talian (*online*) melalui capaian internet bagi membolehkan segala urusan merekod, dan menyimpan data dilakukan dengan lebih mudah.

Elemen-elemen yang terdapat dalam sistem ini adalah berteraskan kepada Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) dan peraturan-peraturan di bawahnya sebagai contoh, JMB/MC boleh memuat naik dokumen dan menghantar dokumen secara berkala seperti minit mesyuarat agung, minit mesyuarat jawatankuasa, laporan kewangan tahunan beraudit, daftar pemilik dan sebagainya sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta 757.

Selain itu, sistem ini juga dapat memudahkan Unit Pesuruhjaya Bangunan Majlis untuk melakukan pemantauan terhadap pelaksanaan tempoh mesyuarat agung tahunan dan laporan kewangan JMB/MC.

Kesimpulannya, sistem ini boleh dijadikan sebagai satu pembaharuan dalam urusan pentadbiran penyampaian perkhidmatan kerana ianya merupakan sebuah sistem yang lebih efektif dan sistematik serta mudah untuk diuruskan.

Segala maklumat yang diperoleh melalui portal itu juga dapat membantu dalam perancangan, penggubalan dan pelaksanaan dasar oleh KPKT, LPHS, dan MBPJ dalam agenda pembangunan dan transformasi kerajaan demi kesejahteraan penduduk strata di Petaling Jaya.

Majlis berharap penggunaan portal eCOB ini dapat dimanfaatkan secara optimum oleh JMB/MC di Petaling Jaya. Bagi memperluaskan lagi penggunaan portal ini, Unit COB MBPJ akan mengadakan tiga siri seminar khusus dan latihan kepada JMB/MC mengenai cara penggunaan portal tersebut. Laman Portal eCOB kini boleh dilayari di <https://skep.lphs.gov.my/mbpj>.

3.3 SISTEM SMART LESEN

Dalam usaha menambah baik penyampaian perkhidmatan yang penuh bertanggungjawab dan berintegriti, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah membangunkan solusi pintar yang diberi nama Sistem Smart Lesen.

Sistem ini mula di bangunkan pada tahun 2016 dan telah diguna pakai secara berperingkat pada tahun 2018 dan penggunaan sepenuhnya pada tahun ini. Sistem Smart Lesen ini adalah gabungan penggunaan 'internet of things' dengan 'elemen internet of people' yang dipacu oleh teknologi big data dalam capaian perkhidmatan Majlis yang disediakan kepada 'stakeholders' untuk setiap perkhidmatan yang ditawarkan oleh Majlis.

Sistem ini mempunyai beberapa elemen pendigitalan iaitu permohonan, pembaharuan, semakan status lesen, penghantaran notifikasi melalui sms dan email, 'auto billing', bayaran dan cetakan lesen perniagaan secara dalam talian. Selain itu juga, fasa kedua solusi smart pintar ini adalah platform bagi ulasan bersepadu antara jabatan teknikal Majlis dengan agensi luar dan semakan penguatkuasaan lesen secara digital. Agensi yang terlibat dalam memberikan ulasan bersepadu adalah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat serta jabatan teknikal dalaman MBPJ.

Majlis juga telah memperkenalkan QR code pada pelekat premis dan lesen Majlis untuk mengawal aktiviti yang dijalankan dengan mengenalpasti kesahihan lesen yang diluluskan. Penglibatan penduduk Petaling Jaya dan pemegang taruh dalam membantu Majlis memantau aktiviti perniagaan yang dijalankan adalah digalakkan bagi memastikan perniagaan mematuhi syarat-syarat Majlis demi menjamin kesejahteraan semua. Maklumat yang terdapat di dalam sistem pelesenan akan disalurkan ke dashboard i-Pelelesenan, PJ Smart Centre bagi tujuan pemetaan premis perniagaan yang mempunyai kelulusan daripada Majlis.

Dalam masa yang sama, di atas keprihatinan Majlis terhadap peniaga dan usahawan di Petaling Jaya, aplikasi bazar@pjkit telah dibangunkan sebagai satu solusi gerbang perniagaan kepada peniaga dan usahawan mikro. Objektif gerbang aplikasi adalah untuk membantu peniaga dan penduduk khususnya di Petaling Jaya bagi mendapatkan bekalan bahan mentah, membeli makan dan menghantar barangan tanpa perlu keluar dari rumah.

Selain dari pendigitalan perkhidmatan dan perniagaan, majlis juga telah melaksanakan pelbagai program kepada usahawan mikro di Petaling Jaya dalam usaha membantu merakyatkan ekonomi golongan B40. Antara inisiatif Majlis dalam membantu peniaga di Petaling Jaya adalah:

- 1) Menyediakan tapak khas penyusunan peniaga secara 'in situ' iaitu berada di kedudukan asal. Penempatan peniaga adalah secara konsep perkongsian tapak perniagaan mengikut sesi yang ditetapkan iaitu pagi, petang atau malam. Waktu operasi perniagaan adalah untuk tempoh 4 jam bagi setiap sesi selama sebulan. Dengan konsep perkongsian tapak ini dapat memberi lebih banyak peluang perniagaan kepada peniaga untuk menjana pendapatan.
- 2) Projek perintis transformasi usahawan mikro yang telah dilaksanakan di PJS 2/18 Taman Dato Harun dan dalam tindakan adalah di Jalan Camar Seksyen 4, Kota Damansara.
- 3) Program penyusunan dan penempatan peniaga tanpa lesen juga telah dilaksanakan di kawasan PJCC di mana peniaga-peniaga lemah dan buah-buahan bermusim telah ditempatkan di dalam satu kawasan bagi menjadikan lokasi tersebut sebagai 'hotspot' pembeli.
- 4) Pemberian permit sementara secara serta merta di lapangan. Jabatan teknikal Majlis akan membuat semakan secara bersepadu bagi memastikan kriteria yang ditetapkan telah dipatuhi dan kelulusan akan diberi secara serta merta di lapangan.

Secara keseluruhannya, Majlis telah mengeluarkan sebanyak 401 permit sementara di seluruh Petaling Jaya. Justeru itu, dengan pengeluaran permit serta merta ini dapat membantu golongan B40 menjana pendapatan.

Dalam pada itu, MBPJ telah menganjurkan kempen Jom Bayar Lesen 2021 bermula pada tarikh 1 Oktober 2020 hingga 31 Disember 2020. Seramai 28,618 pemegang lesen tred dan 9,348 pemegang lesen penjaja (usahawan mikro) perlu memperbaharui lesen. Pembaharuan lesen tahun 2021 boleh dilakukan secara dalam talian sepenuhnya di pautan elesen.mbpj.gov.my.

3.4 **SISTEM SMART SELANGOR PARKING**

Kerajaan Negeri Selangor menerusi SSDU Innovations Sdn. Bhd. telah membangunkan sebuah Sistem Smart Selangor Parking (SSP) yang membolehkan orang ramai membuat pembayaran bagi tempat letak kereta dan kompaun atas talian menerusi aplikasi telefon pintar yang boleh digunakan di kesemua mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di dalam negeri Selangor.

Dengan pelaksanaan sistem SSP ini, ia secara tidak langsung akan meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan dalam aspek pengurusan kawalan letak kereta dengan penyediaan kemudahan kaedah alternatif bayaran caj letak kereta kepada pengguna awam selain menggunakan Sistem Letak Kereta Berkupon. SSP kini juga boleh digunakan di parkir berpagar ('off-street parking') MBPJ d kawasan seperti berikut:

- a) Stesen LRT Paramount
- b) Stesen LRT Asia Jaya
- c) Stesen LRT Taman Bahagia 3
- d) Stadium Kelana Jaya
- e) Kompleks Sukan Kelana Jaya
- f) Kompleks Kolam Renang Kelana Jaya
- g) Taman Jaya
- h) Pusat Penjaja SS 22 Atria.

Setakat 13 Oktober 2020, terdapat 481,656 pengguna aktif aplikasi Smart Selangor Parking SSP di Petaling Jaya sejak ianya mula diperkenalkan pada bulan Julai 2018 sebagai satu kemudahan bayaran caj letak kereta dan kompaun letak kereta secara atas talian. SSDU juga telah membuat pembelian kredit SSP berjumlah RM 8,200,00.00 daripada Majlis.

Dengan penggunaan sistem ini, pengguna aplikasi SSP juga boleh membuat tambah-nilai ke akaun SSP menerusi pelbagai perkhidmatan E- Wallet seperti 'Boost Wallet', 'Touch N go Wallet' dan 'Grab Pay'.

3.5 OPERASI PENGUATKUASAAN

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah melaksanakan operasi penguatkuasaan secara berterusan bagi membanteras aktiviti-aktiviti perniagaan yang dikendalikan oleh warga asing di Petaling Jaya.

Semakan yang dilaksanakan merangkumi aktiviti-aktiviti perniagaan tred tanpa lesen, penjaja dan pasar awam. Hasil daripada operasi yang telah dijalankan sepanjang bulan Oktober 2020, sebanyak lapan (8) operasi penguatkuasaan yang melibatkan 24 tindakan sitaan dan penutupan telah dilaksanakan.

Bagi tempoh Januari sehingga Oktober 2020, sebanyak 96 operasi penguatkuasaan yang melibatkan 591 tindakan sitaan dan penutupan telah dijalankan. Operasi-operasi penguatkuasaan ini akan diteruskan bagi memastikan tiada penglibatan warga asing di dalam aktiviti-aktiviti perniagaan yang dilarang oleh pihak berkuasa.

4. **PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

4.1 **MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 8 TAHUN 2020 (PENGAL 2018/2020).**

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis Bilangan 8 Tahun 2020 bagi pengal 2018/2020 bertarikh 30 September 2020 disahkan tanpa pindaan.

5. **LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 8 TAHUN 2020 (PENGAL 2018/2020) YANG TELAH DIADAKAN PADA 30 SEPTEMBER 2020.**

| RUJUKAN MINIT | PERKARA | TINDAKAN YANG DIAMBIL |
|----------------------|---|--|
| 7.1 | <p>UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK SURAISE A/L GENGIAH.</p> <p>- Permohonan mendapatkan jumlah pelantikan dikalangan kaum India di MBPJ semenjak tahun 2008 sehingga sekarang.</p> | <p>Seramai 108 orang kakitangan berbangsa India telah dilantik mulai tahun 2008 sehingga Tahun 2020.</p> |

6. **MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS.**

6.1 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 23 SEPTEMBER 2020 DAN 21 OKTOBER 2020.**
 (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (103)
 (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (105))

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Ketua Penolong Pengarah (Ukur Bahan), MBPJ.

6.2 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 7 OKTOBER 2020 DAN 19 OKTOBER 2020.**

(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 7 (46)

(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 7 (48)

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Unit Pusat Setempat, MBPJ.

6.3 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 7 OKTOBER 2020. RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD. 3 (74).**

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pembetulan nama bagi perkara 7.2.1 di muka surat 10 dan tambahan perkara yang tidak diminitkan bagi perkara 7.2.1 di muka surat 10 seperti berikut:

Pembetulan ejaan nama:

7.2.1 Puan Rahibah binti Che Omar menyatakan ...

Tambahan bagi perenggan akhir 7.2.1:

... dapat membendung isu pembuangan sampah di tempat awam.

Encik Farhan Haziq bin Mohamed mencadangkan agar Majlis menghebahkan tindakan penguatkuasaan yang dibuat ke atas kesalahan pembuangan sampah di tempat awam di dalam laman web Majlis.

Tindakan : Timbalan Pengarah Sumber Manusia, MBPJ.

6.4 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 12 OKTOBER 2020.**

(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 JLD. 2 (78)

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

6.4.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan perkara yang dibangkitkan oleh Puan Rahibah binti Che Omar berkaitan:

- a) Terdapat pokok-pokok di tebing longkang di SS5A/16 di mana daun-daun kering jatuh dan dibawa ke aliran masuk ke SS7.
- b) Manakala di SS 5A/13 penduduk membuat tambahan binaan tanpa kebenaran hingga ke tepi longkang dan memudahkan mereka membuang barang-barang dari tingkap terus ke longkang. Ada pula yang menggantung kerusi/tangga di pagar atas longkang.

Tindakan : Pengarah Jabatan Landskap, MBPJ

6.5 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 12 OKTOBER 2020. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 3 (53))

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan seperti berikut:

Pembetulan ayat bagi perkara 7.1.1 a) di muka surat 14 seperti berikut:

- a) Beliau memohon dan mencadangkan untuk membuka keahlian kepada semua Ahli Majlis bagi menyertai Jawatankuasa Kecil ...

Pembetulan ayat bagi perkara 7.2.1 di Muka Surat 15 seperti berikut:

7.2.1 Aduan Rumah Kosong/Terbiar di Jalan No. 6 Jalan SS 9/5 Sungei Way

- a) Beliau memohon pihak jabatan mengambil tindakan ke atas aduan rumah kosong/terbiar di No. 6, Jalan SS 9/5...

Tindakan : Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pehidmatan Kesihatan dan Persekitaran, MBPJ.

**6.6 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 16 OKTOBER 2020.
RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 3 (53).**

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi perkara 6.4.1, perenggan 6 di muka surat 82 seperti berikut:

... Cadangan ini melibatkan keseluruhan kawasan Petaling Jaya mengikut kawasan dan bergantung kepada syarat yang telah ditetapkan.

Tindakan : Pengarah Jabatan Perancangan dan Pembangunan MBPJ.

**6.7 CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 19 OKTOBER.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 JLD. 2 (139))**

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah Sumber Manusia, MBPJ.

6.8 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALU LINTAS BERTARIKH 20 OKTOBER 2020. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 3 (50))

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

**6.9 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 20 OKTOBER 2020.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD. 4 (90)).**

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

6.9.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan perkara yang dibangkitkan oleh Encik Suraise a/l Gengiah berkaitan sistem kutipan DBKL yang tidak dapat membuat kutipan hasil MBPJ. Mesyuarat memutuskan agar Pengarah Jabatan Perbendaharaan memberikan sedikit info berkaitan perkara tersebut kepada Encik Suraise a/l Gengiah untuk tindakan selanjutnya.

Tindakan : Pengarah Jabatan Perbendaharaan, MBPJ

7. UCAPAN PENANGGUHAN

Tiada.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.00 pagi. YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir.



(HJH. AZLINDA BINTI AZMAN, SIS, PPT),
Setiausaha,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 2 November 2020

HADIR:

1. YBhg. Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar, - Pengerusi
D.P.M.S., S.M.S.,
Datuk Bandar, MBPJ.
2. Puan Hjh. Azlinda binti Azman, S.I.S., P.P.T.,
Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.
3. Encik Terence Tan Teck Seng,
Ahli Majlis, MBPJ.
4. Encik Suriase a/l Gengiah,
Ahli Majlis, MBPJ.
5. Encik Zamri bin Mohamad,
Ahli Majlis, MBPJ.
6. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
7. Encik Tang Fuei Koh, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
8. Encik Ong Swee Long,
Ahli Majlis, MBPJ.
9. Encik Derek John Fernandez, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
10. Puan Elaine Magdaline Nathaniel,
Ahli Majlis, MBPJ.
11. Encik Wong Swee Sang,
Ahli Majlis, MBPJ.
12. Puan Ermeemarianna binti Saadon,
Ahli Majlis, MBPJ.
13. Encik Sugumaran a/l R Annamalai,
Ahli Majlis, MBPJ.
14. Encik Anwar bin Nekhan,
Ahli Majlis, MBPJ.
15. Encik Chan Pak Keung,
Ahli Majlis, MBPJ.

16. Y.M. Raja Fairuz binti Raja Mazlan,
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Encik Leong Chee Cheng,
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Encik Loyis Anak Uding,
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Encik Ong Yew Thai,
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Puan Quratulain Atiqah binti Norzahirul Anuar,
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Tuan Sr. Thayalan a/l Krishnasamy,
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Encik Farhan Haziq bin Mohamed,
Ahli Majlis, MBPJ.
23. Puan Sakinah Bibi Nagoor,
Ahli Majlis, MBPJ.
24. Puan Rahibah binti Che Omar,
Ahli Majlis, MBPJ.
25. Encik Ridzuan bin Hj. Ahmad @ Awang
Ahli Majlis, MBPJ.
26. Puan Rozazitah binti Hj. Ahmad
Ahli Majlis, MBPJ.

HADIR BERSAMA:

1. Encik Zain Azly bin Abdul Rahman, P.J.K.,
Wakil Timbalan Setiausaha,
Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
2. Encik Mohamad Rosnani bin Hj. Hamid, A.M.S., P.P.T.,
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
3. Puan Hjh. Nik Nazli binti Nik Abdullah, A.M.S.,
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.

4. Tuan Ir. Haji Ismail bin Shafie, A.M.S.,
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
5. YBhg. Datin Sr. Amreeta Kaur, P.P.T., M.R.I.S.M,
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
6. Encik Aznan bin Hj. Hassan, A.I.S.,
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
7. Puan Hamidah binti Hj. Ariffin, P.P.T.,
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
8. Tuan LAr. Dr. Badruzaman bin Jaafar,
Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.
9. Puan Mahzura binti Mohd Amin,
Penolong Pengarah Kanan,
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop, P.J.K.,
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
11. Puan Hjh. Sharinaz binti Hj. Samsudin@Musa, A.I.S.,
Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
12. Encik Lee Lih Shyan,
Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam, MBPJ.
13. Puan Norzita binti Mokhtar,
Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.
14. Encik Samsu Bahari bin Nonchi, A.M.S.,
Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.
15. Puan Haniza binti Abdul Hamid, P.P.T.,
Pengarah, Unit Komunikasi Korporat, MBPJ.
16. Encik Rosli Hisham bin Ibrahim,
Wakil Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.
17. Puan Tee Tzu Fong,
Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.

SULIT

URUSETIA :

01. Puan Haslida binti Samat, PPS,
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Roziah binti Mohd Din,
Pembantu Tadbir Kanan,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Puan Nur Zaidah binti Abd. Kadir,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.



SULIT